

20 NOV 1999

Mahathir-Pencabar

SUBKY TIDAK BERJASA DI KUBANG PASU, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 20 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata anggota Jawatankuasa Kerja Pas Pusat Subky Latif yang mencabarnya bagi kawasan Parlimen Kubang Pasu, merupakan orang luar yang tidak pernah berjasa serta tidak mengetahui masalah penduduk tempatan di daerah itu.

"Beliau bukan orang sini sebab beliau dari Perak," katanya pada persidangan berita di Kompleks Pejabat Daerah Pejabat Daerah Kubang Pasu, tempat penamaan calon Parlimen Kubang Pasu bagi pilihan raya umum ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional, berkata beliau percaya penduduk di Kubang Pasu boleh menilai sendiri tentang kebolehan Subky.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata beliau tidak menjangka Subky akan bertanding di Kubang Pasu kerana menjangka Pas akan meletak Prof. Datuk Dr Harun Din untuk mencabarnya.

Ditanya jangkakan majoriti yang akan diperolehinya kali ini, Dr Mahathir berkata ia bergantung kepada pengundi.

"Kadang-kadang apabila orang sudah terlalu yakin, mereka tidak keluar mengundi dan ini akan jadi masalah kepada kita," katanya.

"Semua orang kata BN akan menang dengan majoriti yang besar. Jadi mereka tak keluar (mengundi).

"Bagaimanapun, satu undi pun dikira menang juga."

Menurutnya, pada 1995 beliau mendapat majoriti kira-kira 17,000.

Pada kali ini, katanya, beliau bersyukur jika dapat memperolehi jumlah majoriti yang sama.

Mengenai isu yang ditimbulkan oleh pembangkang, Dr Mahathir berkata pilihan raya ialah mengenai penubuhan kerajaan.

"Kerajaan amat jelas mengenai perkara ini. Kita tidak bercakap mengenai isu tetapi bercakap mengenai menubuhkan kerajaan yang boleh membawa negara ini ke dalam alaf akan datang dan menjayakan Wawasan 2020."

Katanya kerajaan BN mempunyai pengalaman dan telah membuktikan yang ia dapat menunaikan janjinya dan menjalankan tanggungjawabnya.

Dr Mahathir berkata keadaan di Kubang Pasu adalah berbeza dan rakyat di kawasan itu faham bahawa pilihan raya tidak seharusnya diasaskan kepada isu.

"Saya rasa di kawasan luar bandar, mereka lebih berminat kepada pembangunan daripada isu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, pembangkang mungkin mendapat sokongan mengenai isu daripada mereka yang dikatakan golongan intelektual di kawasan bandar.

-- BERNAMA

JM/HT MFJ NMO